

## NOTIS BIDAAN PENJANAAN

**TARIKH** : 01 JUN 2023  
**NO. BIDAAN PENJANAAN** : UKM.FST.200-4/4/1  
**TAJUK BIDAAN** : BIDAAN PENJANAAN BAGI MENJALANKAN DAN MENGURUSKAN PERKHIDMATAN KAFETERIA DI BANGUNAN KAFETERIA, FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI, UKM BANGI.

Bidaan Penjanaan adalah dipelawa kepada **Syarikat berkelayakan** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam pengkhususan yang berkaitan memberi tawaran kerja berikut:

SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN BIDAAN PENJANAAN	TARIKH BUKA BIDAAN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN MASA AKHIR BELI DOKUMEN BIDAAN	TARIKH DAN MASA TUTUP BIDAAN
<b>Kod Bidang</b> <b>040101 –</b> Makanan dan Bahan Mentah Kering/Basah / <b>040102 –</b> Makanan dan Minuman (tin,botol dan bungkus) / <b>040103 -</b> Makanan Bermasak (Islam)	<b>RM30.00</b> <b>senaskah</b>  Dijual dalam bentuk salinan lembut	<b>01 Jun 2023</b> <b>(Khamis)</b>	<b>08 Jun 2023</b> <b>(Khamis)</b>  10.00 Pagi  Berkumpul di Kafeteria Fakulti Sains dan Teknologi UKM Bangi (Bersebelahan Bangunan Fizik)	<b>14 Jun 2023</b> <b>(Rabu)</b>  Sebelum <b>5:00 petang</b> mengikut jam di Pejabat Pusat Pengurusan Penjanaan UKM (JANA@UKM)	<b>15 Jun 2023</b> <b>(Khamis)</b>  Sebelum 12:00 Tengahari mengikut jam di Pejabat Pusat Pengurusan Penjanaan UKM (JANA@UKM)

2. Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan perlu dihadiri oleh **PEMILIK SYARIKAT ATAU WAKIL**. Untuk maksud ini, sila bawa **dokumen asal dan satu (1) salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat dan dokumen pengenalan diri** semasa menghadiri lawatan tapak.

3. Pembida hendaklah membawa sijil asal **Perakuan Pendaftaran Syarikat**, dan **satu salinan** bagi setiap sijil tersebut semasa mendapatkan dokumen Bidaan Penjanaan. Jika tidak dapat hadir sendiri, wakil syarikat hendaklah membawa surat pengesahan sebagai wakil yang ditauliahkan. Dimaklumkan hanya syarikat yang hadir pada sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja yang layak membeli Dokumen Bidaan Penjanaan dan menyertai proses bidaan penjanaan ini.

4. Tempoh sahlaku Bidaan Penjanaan adalah selama sembilan puluh (90 hari) selepas tarikh tutup bidaan tersebut. Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Bidaan Penjanaan.

5. Dokumen Bidaan Penjanaan yang sempurna diisi termasuk segala dokumen yang diperlukan (jika berkenaan) hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang dilabel seperti tajuk bidaan di atas merangkumi satu (1) salinan keras (hardcopy) dan satu (1) salinan lembut (soft copy) melalui serahan pemacu pen (pendrive) ke

**Peti Sebutharga, Jabatan Bendahari  
Aras 1, Bangunan Canselori,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor**

6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai notis ini boleh hubungi Pn. Mas Nurul Amirah Abdul Malek / Pn. Ummi Nanis Rosli di alamat e-mel: [mnamirah@ukm.edu.my](mailto:mnamirah@ukm.edu.my) / [umie313@ukm.edu.my](mailto:umie313@ukm.edu.my).

Sekian, terima kasih.

**MUHAMMAD WALID OSMAN**  
Ketua Pentadbiran  
Fakulti Sains dan Teknologi UKM